



17 JUL, 2025

Bagaimana orang ramai ubah cara guna elektrik



Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2



Bagaimana orang ramai ubah cara guna elektrik

- Sebahagian 23 juta pengguna manfaat penggunaan waktu luar puncak elak bil melambung
- Pantau bil menerusi aplikasi, cabut plag selepas digunakan

PETALING JAYA — Sebahagian besar daripada 23 juta pengguna berdaftar di negara ini mula mengubah cara hidup selepas kerajaan mengumumkan penstruktur semula tarif elektrik bermula pada 1 Julai lalu.

Rata-rata yang ditemui mengakui mereka mula menyusun semula jadual penggunaan peralatan elektrik seperti mesin basuh, pendingin hawa, penapis

air dan udara, setrika dan pengelas telefon bimbit.

Salah satu intipati penstruktur semula tarif elektrik tersebut adalah Skim Masa Penggunaan (ToU).

Skim itu memberi fleksibiliti kepada pelanggan atau pengguna untuk mengubah corak penggunaan dan memanfaatkan kadar tarif yang lebih rendah di luar waktu puncak.

»BERSAMBUNG DI MUKA 2



17 JUL, 2025

Bagaimana orang ramai ubah cara guna elektrik



Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

DARI MUKA 1

ToU mempunyai dua zon dari 2 petang hingga 10 malam (puncak) dan 10 malam hingga 2 petang (luar puncak) bagi tarif lebih rendah. Pada masa sama, kadar luar puncak turut diperluaskan pada Sabtu dan Ahad.

Seorang perunding pemasaran, Anis Rosli, 27, berkata, antara langkah pertama yang dilaksanakan sejak penstrukturkan tarif elektrik adalah menyusun jadual penggunaan mesin basuh, seterika dan pendingin hawa.

"Untuk itu saya menggunakan mesin basuh dua kali seminggu. Untuk seterika pula, saya kumpul pakaiannya dan digosok sekali gus. Saya juga tetapkan had masa guna pendingin hawa pada waktumalam sahaja," katanya.

Anis turut menggantikan lampu kepada mentol diod pemancar cahaya (LED) yang lebih cekap tenaga serta suis khas bagi memudahkan menutup peralatan ele-

Bagaimana orang ramai ubah cara guna elektrik

ktrik sekiranya tidak digunakan.

"Saya tidak lagi membiarkan peralatan elektrik dalam mod 'standby'. Televisyen, komputer dan pengelas akan ditutup lepas digunakan. Nampak kecil, tapi beri kesan ketara (bil)," katanya.

Anis berkata, perubahan itu memerlukan penyesuaian pada peringkat awal, namun kini sudah menjadi kebiasaan.

"Sebagai pengguna, kita perlu bijak menyusainya diri. Ini bukan soal bil sahaja, tapi juga kesedaran sivik. Setiap individu perlu memainkan peranan dalam mengurangkan penggunaan tenaga dengan



ANITA menukar lampu kalimantan kepada LED yang lebih cekap tenaga ketika ditemui di rumahnya di Merlimau, Jasin.

bertanggungjawab," katanya.

Seorang lagi pengguna, Mohd. Nor Alwi, 42, berkata, dia sebelumnya akan menutup suis dan meninggalkan plag selepas menggunakannya.

"Sebelum ini tidak cabut plag seterika, tetapi sekarang dicabut selepas penggunaannya. Begitu juga perkakasan elektrik lain seperti ketu-

har gelombang," katanya.

Secara purata, penggunaan elektrik di rumahnya adalah 441 hingga 450 kilowatt (kw) sebulan, atau RM150 sebulan.

Sementara itu, Nor Idayu Ramzan, 38, berkata, sebagai langkah penjimatkan, dia mengurangkan penggunaan penghawa dingin pada waktu puncak.

"Setakat ini penggunaan elektrik di rumah (teres dua tingkat) tidaklah begitu tinggi sekitar 450kW," katanya.

Bagi Anita Ali, 40, pula, ahli keluarganya menggunakan peralatan elektrik secara berhemah di luar waktu puncak.

"Kami menukar lampu pijar dan kalimantan kepada LED. Memang risau tapi kita perlubijak supaya bil tidak melambung.

"Mesin basuh dan seterika digunakan pada waktu malam sa-

SKIM TIME OF USE (TOU)

TERBAHAGI KEPADA DUA ZON

- Waktu puncak
- Waktu Luar Puncak (lebih rendah)

WAKTU PUNCAK

- Hari Isnin hingga Jumaat
 - Masa: 2 petang hingga 10 malam
- WAKTU LUAR PUNCAK:**
- Hari Isnin hingga Jumaat
 - Masa: 10 malam hingga 2 petang
 - Sabtu, Ahad dan Cuti Umum (sepanjang hari)



PENGUNA disarankan supaya memantau penggunaan elektrik menerusi aplikasi MyTNB.

haja," katanya.

Anita turut memantau penggunaan elektrik melalui aplikasi MyTNB agar tidak melebihi 600 kW sebulan bagi mengelak dikenakan caj tambahan.

"Guna MyTNB lebih mudah. Bila makin tinggi, kita akan berjaga-jaga dan lakukan sesuatu," katanya.

Anita turut menyarankan orang ramai supaya mengambil langkah berjimat seawal mungkin agar tidak terbeban.

Katanya, perubahan kecil memberi kesan besar jika ahli keluarga bersama-sama mengambil langkah mengawal penggunaan tenaga elektrik.